



SHAHRIL (tengah) bergambar bersama para kakitangan yang menerima kenaikan pangkat.

Seramai 82 kakitangan UMS terima kenaikan pangkat

NST 12.2.2016 11

KOTA KINABALU: Seramai 82 orang kakitangan akademik dan bukan akademik Universiti Malaysia Sabah (UMS) dari pelbagai skim perjawatan menerima kenaikan pangkat atas prestasi baik sepanjang perkhidmatan bersama universiti.

82 orang kakitangan tersebut melibatkan seramai 23 orang dinaikkan ke jawatan pensyarah kanan, seorang kakitangan guru bahasa gred DG44, 14 orang kakitangan pengurusan dan profesional, dan 44 orang kakitangan dari kumpulan pelaksana.

Para kakitangan tersebut diraikan dalam satu majlis meraikan dan penyerahan surat tawaran kenaikan pangkat kakitangan UMS Bil. I/2016 di Galeri Majlis, yang disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dr. Shahril Yusof.

Terdahulu, ketika berucap pada majlis tersebut berkata, 'Mempermudahkan' boleh menjadi satu kata kunci yang baik buat kakitangan

universiti dalam menyampaikan perkhidmatan mereka.

Jelas beliau, sekiranya setiap tugas dilaksanakan atas dasar bagi mempermudahkan sesuatu, para pelajar mahu pun orang luar juga akan menjadi senang dan perkhidmatan mampu disampaikan dengan lebih baik.

"Justeru, satu cabaran khususnya kepada kakitangan pentadbiran yang dinaikkan pangkat ini untuk memikirkan atau melakukan sesuatu yang memudahkan dalam proses kerja perkhidmatan mereka," katanya.

Dalam pada itu, Pendaftar UMS, No'man Hj Ahmad menjelaskan seiring dengan Lonjakan Kedua dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), iaitu Kecemerlangan Bakat, UMS melalui Bahagian Sumber Manusia akan menambah baik laluan kerjaya bagi kakitangan akademik yang dijangka akan dilaksanakan menjelang bulan Jun ini.

"Empat laluan kerjaya bagi kakitangan



SHAHRIL (tengah) menyampaikan surat tawaran kenaikan pangkat kepada salah seorang kakitangan.

akademik, iaitu dari aspek pengajaran, penyelidikan, kepakaran atau amalan profesional dan kepimpinan institusi.

"Diharap perkembangan ini akan meningkatkan lagi komitmen dan iltizam para

kakitangan untuk berkhidmat bersama universiti," ujarnya.

Hadir sama pada majlis tersebut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr. Ismail Ali.